

TARIKH	24 / 5 / 2013	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	28	RUANGAN	Dalam Negeri

Gangguan sementara perkhidmatan Tabung Haji

KUALA LUMPUR 23 Mei - Sistem perkhidmatan deposit Tabung Haji di seluruh negara akan mengalami gangguan sementara bermula 6.30 petang hari ini hingga 6 petang esok.

Dalam kenyataan di sini hari ini, Bahagian Hal Ehwal Awam dan Komunikasi Korporat Kumpulan Lembaga Tabung Haji berkata, gangguan tersebut ekoran kerja-kerja penyelenggaraan sistem dalam Tabung Haji.

Katanya, kemudahan perkhidmatan capaian Tabung Haji di Mesin Juruwang Automatik (ATM), Mesin Deposit Tunai (CDM), Uniteller di Bank Islam, Bank Rakyat dan Maybank akan mengalami gangguan sementara dalam tempoh itu.

"Perkhidmatan ATM, CDM dan Uniteller tersebut akan beroperasi semula seperti sedia kala selepas 6 petang Jumaat ini," katanya.

Sehubungan itu Tabung Haji memohon maaf atas kesulitan dan menasihatkan para pendeposit berhubung terus dengan cawangan Tabung Haji berhampiran atau di talian 03-6207 1919 untuk sebarang pertanyaan.